

27 SEP 2000

Ling-Kereta api/I

KAJIAN KERETA API TRANS-ASIA DILULUS

KUALA LUMPUR, 27 Sept (Bernama) -- Kabinet hari ini meluluskan kajian yang telah dibuat berhubung cadangan melaksanakan projek kereta api Trans-Asia bagi menghubungkan Singapura ke Kunming, China.

Menteri Pengangkutan Datuk Seri Dr Ling Liong Saik yang juga pengerusi jawatankuasa khas memantau kajian itu, berkata kajian oleh dua syarikat perunding itu dibincangkan oleh kabinet hari ini.

"Kini kami sedang memikirkan kaedah untuk melaksanakan cadangan dalam kajian itu," katanya kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat mingguan kementerian itu.

Cadangan bagi projek dianggarkan bernilai US2.5 bilion itu dikemukakan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada sidang kemuncak Asean lima tahun lepas.

Ling berkata laluan yang dipersetujui ialah dari Singapura, Malaysia, Thailand, Kemboja, Vietnam hingga ke Kunming, ibu kota Wilayah Yunnan di barat daya China. Ia juga akan dihubungkan dengan Vientiane di Laos dan Pelabuhan Bung Anh (Vietnam) dan Myanmar.

Dengan siapnya kajian serta kelulusan oleh kerajaan, perkara itu dijangka dibincangkan pada Sidang Kemuncak Asean dan mesyuarat-mesyuarat yang berkaitan, membabitkan semua kerajaan yang terlibat.

"Jika cadangan ini diterima, semua negara Asean boleh bekerja bersama-sama untuk mewujudkan hubungan itu yang membabitkan laluan sepanjang antara 4,000 km dan 5,000 km," kata Ling.

Katanya jika semua kerajaan menerima cadangan itu, kerja awal akan bermula tidak lama lagi dan keseluruhan projek itu dijangka siap pada 2006.

Mengenai Jabatan Pengangkutan Jalan pula, Ling berkata kabinet membuat keputusan supaya jabatan itu menjalankan kajian mengenai cadangan membuka sekolah memandu khas bagi mengajar pemandu trak dan treler.

Ini bagi meningkatkan kemahiran memandu memandangkan kenderaan jenis ini memerlukan kemahiran tinggi untuk dikendalikan.

-- BERNAMA

RV AHH LAT MAI